

Manchester akan kuatkuasa larangan merokok

LONDON: Manchester bakal melaksanakan larangan merokok di beberapa tempat awam di seluruh bandar di barat laut England itu.

Lapor *Daily Mail*, tempat awam yang terkenal seperti Taman Piccadilly, Dataran St. Peter's dan sekitar Dewan Perbandaran Manchester bakal menjadi zon bebas asap rokok.

Kawasan lain yang turut terlibat dalam perancangan itu termasuk Mayfield Park dan kawasan sekitar Stadium Etihad.

Individu yang didapati merokok di tempat larangan itu akan diminta membuang atau memadam puntung rokok.

Buat masa ini, tiada rancangan untuk menghukum mahupun mengenakan kom-


paun terhadap individu yang merokok di kawasan larangan yang ditetapkan.

Perundingan awam mengenai rancangan itu akan bermula dalam masa terdekat, dengan keputusan dijangka dicapai pada musim luruh.

Cadangan itu dibuat selepas Manchester menyertai kumpulan Kerjasama Bandar Sihat yang berusaha menangani penyakit kanser dan paru-paru kronik.

Antara syarat untuk menjadi keahlian bandar sihat itu adalah mempunyai kawasan zon bebas asap rokok. "

Dianggarkan kira-kira 5,000 individu meninggal dunia akibat penyakit berkaitan asap setiap tahun di Greater Manchester.



KAWASAN luar Dewan Perbandaran Manchester bakal menjadi zon bebas asap rokok. - BBC